



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“MEMBINA JIWA MERDEKA – MINDA MERDEKA”

16 September 2022 / 19 Safar 1444

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ¹:

﴿وَإِذْ نَجَّيْنَاكَ مِنْ آلِ فِرْعَوْنَ يَسُومُونَكَ سُوءَ الْعَذَابِ يُذَبِّحُونَ أَبْنَاءَكَ وَيَسْتَحْيُونَ

نِسَاءَكَ وَفِي ذَٰلِكُمْ بَلَاءٌ مِّن رَّبِّكَ عَظِيمٌ ﴿٤٩﴾

Bermaksud: Dan (ingatlah) ketika Kami selamatkan kamu daripada (Firaun) dan pengikutnya yang sentiasa menyeksa kamu dengan seksa yang seburuk-buruknya. Mereka menyembelih anak lelaki kamu dan membiarkan anak-anak perempuan kamu hidup. Dan pada kejadian yang demikian itu terdapat bala bencana dan ujian yang besar daripada Tuhan kamu. (Surah Al-Baqarah ayat 49)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Bertakwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan Nya dan meninggalkan larangan Nya); dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang ia telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (hari akhirat). Dan (sekali lagi diingatkan): Bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Amat Meliputi Pengetahuan Nya akan segala yang kamu kerjakan. Bersempena ulang tahun ke-59, tarikh penubuhan Malaysia, mimbar membicarakan khutbah bertajuk:

“MEMBINA JIWA MERDEKA – MINDA MERDEKA”

16 September, hari bersejarah, hari pengisytiharan penubuhan negara Malaysia. Kebijaksanaan dan kejayaan Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra (Al-Marhum) bersama barisan pemimpin seangkatan beliau, memimpin dan mengurus

¹ Pujian kepada Allah SWT

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



Persekutuan Tanah Melayu sebagai sebuah negara merdeka, telah memberikan keyakinan kepada pemimpin dan rakyat di Sabah, Sarawak dan Singapura, dengan persetujuan Inggeris, untuk menjadi wilayah merdeka yang bergabung dengan Persekutuan Tanah Melayu, menubuhkan negara Malaysia pada 16 September 1963.

Para tetamu rumah Allah yang dimuliakan

Hakikat kemerdekaan perlu difahami secara tersurat dan tersirat dengan menghayati pelbagai kisah yang dilalui oleh generasi terdahulu. Kisah Nabi Musa AS dengan penentuan Illahi, berjaya membebaskan Bani Israel daripada penindasan dan kekejaman Firaun adalah antara pedoman.

Firaun memerintah dengan sifat beraja di mata - bersultan di hati, angkuh, bongkak, sombong takbur, menanggap dirinya paling berkuasa di muka bumi; merasakan setiap perbuatannya betul serta tidak salah. Firaun telah memperhambakan manusia, melakukan pelbagai kezaliman dan kerosakan. Menjunjung perintah Allah SWT, Nabi Musa AS memimpin umat Baginda menentang kezaliman Firaun agar manusia kembali memperoleh kemuliaan dan martabat.

Nabi Muhammad SAW ketika mengembangkan risalah Islam menghadapi masyarakat yang mengalami tiga penjajahan, ia itu hidup yang tiada hala tuju, penindasan ekonomi dan kezaliman sosial. Hidup tiada hala tuju digambarkan melalui penyembahan berhala. Rasulullah SAW membimbing umat manusia menyembah hanya Allah Yang Maha Esa. Penindasan ekonomi berlaku kerana kekayaan dikuasai dan dibolot oleh kelompok tertentu yang tamak dan haloba. Rasulullah SAW menegur golongan yang mengumpul, membolot dan menghimpun harta tanpa mempedulikan keadilan ekonomi. Kezaliman sosial berlaku melalui tindakan kaum Quraisy mengamalkan sistem perhambaan, semangat asabiyah, diskriminasi dan penghinaan terhadap wanita serta hamba.

Islam menganjurkan pembebasan hamba, memuliakan wanita dan kesetaraan bangsa. Dalam khutbah terakhir di Arafah, Rasulullah SAW menegaskan tidak ada perbezaan antara orang kulit hitam dan kulit putih, antara Arab dan bukan Arab, melainkan takwa. Kemerdekaan berpandukan ajaran Islam bukan sahaja membebaskan umat manusia daripada perhambaan sesama manusia, bahkan membebaskan umat manusia daripada segala bentuk perhambaan selain kepada Allah SWT.



Antara kandungan surat Rasulullah SAW kepada penduduk Najran dicatatkan, “Aku menyeru kalian untuk menghambakan diri kepada Allah dan meninggalkan perhambaan sesama manusia. Ketika Rib’i Ibnu Amir diutus Panglima Saad Ibnu Abi Waqqas RA mengadakan rundingan dengan panglima Parsi, Rustum, Rib’i berkata, “Kami (umat Islam) diutus Allah untuk mengeluarkan manusia daripada perhambaan sesama manusia, menuju perhambaan hanya kepada Allah SWT, keluar daripada kesempitan dunia menuju kelapangannya, dan keluar daripada kezaliman agama menuju keadilan Islam”

Para Tetamu Ilahi yang dikasihi

Minda atau akal yang merdeka merujuk kepada minda yang keluar dari kepompong kejahilan. Minda yang terkurung dalam kejahilan tidak dapat berkembang dan kemampuan berfikirnya terbatas. Sedangkan, minda anugerah Ilahi ini, kemampuannya tiada batasan selagi mana ia digunakan dengan cara yang betul dan sihat. Minda hendaklah dimanfaatkan dengan berfikir secara baik, bertindak secara rasional, setelah mengambil kira segala pertimbangan demi mencapai keputusan terbaik buat diri, agama, masyarakat dan negara. Minda yang tidak dijajah seharusnya membawa kepada warga yang berubah daripada segala perbuatan dunggu dan kepercayaan karut, kepada perbuatan dan kepercayaan yang cerdas, membebaskan fikiran dan sentiasa menggalakkan kemajuan.

Akal menjadi sihat dengan sentiasa ditambahkan ilmu. Ummah harus menambah ilmu pengetahuan agar berupaya membezakan kebenaran dan pemalsuan, intan dan kaca. Sebaliknya minda terkunci, yang tidak berkembang dan kurang pengetahuan mudah dijajah oleh pemikiran asing dan budaya songsang yang bercanggah dengan adat setempat serta menyalahi syariat. Cara berfikir harus didasari dengan petunjuk Al-Quran dan Al-Sunnah. Ajaran Islam memperkenalkan maksud kemerdekaan sebenar, iaitu manusia bebas dari belenggu kejahilan serta tidak mensyirikkan Tuhan Rabbal Alamin.

Nyatalah, Islam mentafsirkan kemerdekaan tidak hanya melalui kemerdekaan lahiriah malah merangkumi kemerdekaan batiniyah, iaitu kemerdekaan jiwa yang dilengkapi kemerdekaan minda. Kemerdekaan yang hakiki dimiliki apabila seseorang manusia mampu berada dalam fitrahnya, serta turut berupaya membebaskan diri daripada segala belenggu yang berpunca daripada godaan syaitan dan hawa nafsu.



Merdeka bukan sahaja bebas dari jajahan berbentuk fizikal malah turut bermaksud membebaskan diri dari apa jua belenggu dan halangan yang merencatkan kemajuan diri. Bagi membina warga Malaysia yang berdaya saing dan maju, warganya perlu bebaskan diri daripada perhambaan dengan memiliki jiwa dan minda yang merdeka, jiwa dan minda yang bebas berperanan, berpandukan iman dan cahaya Ilahi.

Jiwa dan minda merdeka bermaksud jiwa dan minda yang bebas; jiwa dan minda yang tidak dicengkam oleh sebarang anasir dalaman mahupun luaran. Insan yang merdeka jiwa dan mindanya tidak meletakkan nasibnya pada manusia lain, tidak taksud kepada insan lain, hingga bersedia bersubahat dengan perbuatan mungkar, bersedia berada di bawah telunjuk dan arahan hingga kabur pandangan lalu sanggup mengatakan yang putih itu hitam dan yang hitam itu putih. Insan yang merdeka jiwa dan mindanya insyaAllah tidak akan tergelincir aqidahnya, malah sentiasa yakin pada diri dan berani menegakkan yang makruf – tegas menentang yang mungkar, menyerahkan diri sepenuhnya untuk mendapat perlindungan dan keredaan Ilahi.

Kesimpulannya, sebuah negara merdeka akan mencapai kemajuan jika warganya berjaya memerdekakan jiwa dan minda dari perhambaan kerana jiwa hamba akan menghalangi minda berkembang dan maju.

Para Muslimin yang dirahmati,

Sempena tarikh bersejarah 16 September, mimbar memperingatkan perkara-perkara berikut:

Pertama: Kenangi jasa para pemimpin yang telah berkorban memperjuangkan kemerdekaan, serta pengorbanan dan usaha mereka membentuk sebuah negara merdeka.

Kedua: Zahirkan rasa syukur ke hadrat Ilahi atas nikmat dikurniakan negara merdeka dengan tidak melakukan kerosakan di bumi ini, memelihara dan tidak memusnahkan alam sekitar dan tidak melakukan pencemaran.

Ketiga: Ditadbir urus negara ini dengan adil berpaksikan undang-undang, tidak membazir khazanah negara dan wang rakyat, mengagihkan sumber kekayaan negara secara saksama, mengutamakan keperluan rakyat miskin dengan menyediakan keperluan pendidikan, perubatan, perumahan, pengangkutan, pekerjaan dan keperluan-keperluan sosial.



Keempat: Menyerahkan tanggungjawab dan tugas kepada orang-orang yang ahli dan memiliki pengetahuan serta amanah untuk mengelakkan berlakunya kerosakan kepada sumber-sumber, dan mengelakkan berlaku ketirisan khazanah negara, yang beban kerosakan dan ketirisan terpaksa ditanggung oleh rakyat dalam bentuk hutang yang berpanjangan.

Kelima: Menerima hakikat negara ini terdiri daripada warga pelbagai kaum yang mengamalkan pelbagai agama, mewarisi pelbagai budaya dan menguasai pelbagai bahasa lalu menghayati seruan Ilahi berpandukan ayat 13 surah Al-Hujurat untuk kita saling berkenalan (dan beramah mesra antara satu dengan lain). Semoga terbinanya sebuah masyarakat yang harmoni dan negara yang sejahtera.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ
وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي
الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ
وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin! lindungi negara kami sebagai sebuah negara merdeka lagi berdaulat, dilimpahi rahmat kemakmuran, warganya hidup dalam suasana persaudaraan, saling menghormati dan kekal harmoni.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Dzal Jalaali wal Ikram!, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Malik! Ya Hadi!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ﴾.